

Saya akan bincang isu Palestin dengan Presiden Bush — Dr. M

Oleh SITI MARIAM MOHD. ZAIN dan ROSNI HASSAN

USA 8 APR 2002

LANGKAWI 7 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengutarakan masalah Palestin dalam pertemuan rasminya dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush bulan depan.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga akan menjelaskan pandangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai usaha melawan pengganas seperti yang diputuskan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

“Saya telah berjanji pada wakil Palestin bahawa saya akan cuba menjelaskan masalah mereka kepada Presiden Bush,” katanya kepada pemberita selepas melawat perkampungan kristal di Pulau Rebak di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas laporan agensi berita Reuters Rabu lalu bahawa Presiden AS telah menjemput beliau melawat pada 12 hingga 14 Mei ini.

Palestin pada 2 April lalu pula, meminta Perdana Menteri menggunakan pengaruhnya di arena antarabangsa bagi membantu menghalang kekejaman tentera Israel di buminya yang kini amat kritikal.

Menteri Luarnya, Farouk Kaddoumi percaya Dr.

Mahathir dapat meminta Bush bertindak segera mengarahkan Israel mengundurkan tenteranya.

Sambil meniviatkan tindakan tentera Israel itu sebagai usaha pemusnahan rakyat Palestin, Farouk menjelaskan nyawa rakyat negara itu kini amat terancam.

Hari ini akhbar melaporkan, keadaan di Palestin semakin genting apabila tentera Israel menggiatkan lagi usaha memerangi rakyat Palestin di Tebing Barat.

Semua perhubungan dengan Presiden Palestin, Yasser Arafat brputus dan para pemimpin serta pegawai kanan Palestin pada masa ini tidak dapat menghubungi beliau lagi di pejabatnya yang dkepung oleh tentera Israel di Ramallah.

Perkembangan yang kian genting itu berlaku ketika 44 orang rakyat Palestin dilanorkan terbunuh dalam pertumpahan darah terburuk di beberapa kawasan Palestin sejak Israel memulakan serangannya.

Mengulas lanjut tentang pertemuannya dengan Bush kelak, Dr. Mahathir menjelaskan, walaupun pertemuan dengan Presiden AS itu belum menjanjikan apa-apa penyelesaian berhubung masalah Palestin-Israel, namun ia amat penting ke arah menghalang keganasan.

Ditanya apakah beliau akan meminta Bush sup-

ya campur tangan bagi menangani pergolakan di Palestin, beliau berkata: “Saya akan cuba minta pertolongan beliau agar campur tangan dalam isu ini masa perjumpaan itu nanti.”

Tambah Dr. Mahathir, campur tangan Bush perlu berikutan beberapa desakan antarabangsa agar Israel segera menghentikan kezaliman terhadap rakyat Palestin sebelum ini menemui kegagalan.

“Kita telah cuba supaya masyarakat antarabangsa tolong mendesak menghentikan kezaliman Israel ke atas Palestin, tetapi nampaknya Israel begitu degil dan sombong sampai wakil daripada Eropah pun dia tak terima,” katanya.

Mengenai pertemuannya dengan 18 pegawai kanan Kongres Amerika Syarikat hari ini, Perdana Menteri berkata, kedatangan mereka membolehkan Malaysia memberikan penerangan tentang negara ini.

“Bagus mereka datang dan kita boleh menerangkan tentang Malaysia dan saya fikir mereka memahami Malaysia lebih baik lagi,” katanya.

Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan 18 pegawai kanan berkenaan di Berjaya Beach and Spa Resort di Teluk Berau di sini.

Pertemuan itu adalah anjuran Persatuan Pertukaran Amerika-Malaysia. Turut hadir ialah Presiden persatuan itu, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub.